

Sungai Pahang tercemar?

TEMERLOH – Air Sungai Pahang yang biasanya agak jernih ketika musim panas bertukar menjadi amat keruh sejak kebelakangan ini tanpa diketahui punca sebenar sama ada kesan dari aktiviti pembalakan atau perlombongan di hulu sungai.

Kesan tersebut bukan baharu dirasakan penduduk khususnya yang tinggal di kampung sepanjang Sungai Pahang tetapi berlarutan sejak sekurang-kurangnya tiga tahun dahulu.

Seorang penduduk Abd Ghani Mahusin, 45, berkata, air Sungai Pahang sepatutnya agak jernih terutama ketika musim panas bertukar sebaliknya apabila menjadi terlalu keruh.

Menurutnya, akibatnya ia akan menjejaskan penduduk yang menjadikan Sungai Pahang sebagai sumber pendapatan dan yang paling utama sumber bekalan air bersih

penduduk tercemar dengan mendapan tanah yang mengalir bersama air sungai ini.

“Minggu lepas keadaan air Sungai Pahang masih jernih tetapi bertukar keruh dalam masa yang sangat singkat sejak kelmarin.

“Kira-kira tiga tahun lalu, Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip) terpaksa menutup sementara loji bekalan air bersih berikutan kekeruhan air melebihi 1,000 NTU.

“Bukan itu sahaja, pengusaha ikan sangkar berdepan dengan kematian ternakan khususnya ikan tilapia yang tidak tahan dengan lumpur dan tanah yang dihanyutkan,” katanya.

Seorang penternak ikan, Mohamad Hisham Nordin berkata, kekeruhan melampau air Sungai Pahang juga memang menjejaskan pengusaha ikan sangkar apabila lumpur tebal dan tanah dari hulu sungai melekat pada



Perbandingan air Sungai Pahang yang diambil semalam (botol kanan) dan contoh air Sungai Pahang yang diambil beberapa hari lalu yang masih jernih.

jaring sangkar ikan.

Menurutnya, sudah beberapa kali pada tahun lalu dia membuat aduan berkaitan kekeruhan air Sungai Pahang

kepada pihak berkuasa namun tetap tidak ada jawapan melainkan memaklumkan kesan pembangunan di hulu sungai.